

**Najib Dan Isteri Ucap Takziah Pada Keluarga Tokoh Budaya Azah Aziz  
Bernama  
09 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor merakamkan ucapan takziah kepada keluarga dan sanak saudara tokoh budaya Sharifah Azah Mohamed Alsagoff yang meninggal dunia Isnin.

Najib berkata pemergian tokoh budaya itu, yang lebih dikenali sebagai Azah Aziz akan dikenang oleh masyarakat atas kegigihannya memartabatkan budaya dan kesenian bangsa.

"Kegigihan beliau untuk memartabatkan budaya dan kesenian akan dikenang oleh masyarakat," kata Perdana Menteri dalam kenyataan di sini.

Isteri kepada Profesor Diraja Ungku Aziz dan ibu kepada Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz itu menghembuskan nafas terakhirnya pada kira-kira 10 pagi akibat serangan angin ahmar.

Jenazah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara di sini selepas solat Asar.

Antara yang berada di tanah perkuburan untuk pengebumian ialah bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, serta anggota keluarga dan kenalan rapat.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679260>